



# LEMBAH BUJANG KEMEGAHAN KOTA METROPOLITAN KEDAH TUA

**Kedah** Tua merupakan sebuah entiti kerajaan dan pelabuhan pramoden yang terletak di sekitar kawasan barat laut Semenanjung Tanah Melayu. Rekod asing dan penemuan arkeologi di Lembah Bujang membuktikan bahawa Kedah Tua berperanan sebagai pusat pelabuhan antarabangsa di pesisir Selat Melaka dari kurun ke-2 hingga ke-14. Pada kemuncak kuasa ekonomi dan politiknya, Kedah Tua berkemungkinan besar telah menguasai kawasan yang jauh lebih luas dari wilayah Kedah yang wujud pada hari ini, iaitu dari Teluk Phang-Nga di Selatan Thailand hingga ke Kuala Selinsing di Perak.

Di kawasan pesisir yang luas tersebut, Kedah Tua membentuk persekutuan penempatan pesisir pantai dan lembah sungai yang memiliki peranan dan ciri kebudayaan yang tersendiri. Antara penempatan purba yang dapat dikaitkan dengan jaringan penempatan dan pelabuhan dagang Kedah Tua termasuklah Ko Kho Khao, Takuapa, Wiang Sa, Khua Luk Pat, Trang, Perlis, Kampung Sungai Mas, Kampung Pengkalan Bujang, Simpor Tambang, Kampung Sireh dan Kuala Selinsing. Dari segi politik, kemungkinan wujud dua organisasi politik yang berbeza di Kedah Tua, iaitu organisasi politik yang mengawal dan menyelia aktiviti perdagangan di seluruh kawasan pesisir, dan struktur pentadbiran dalaman yang mentadbir penempatan secara autonomi.

Di sepanjang perkembangannya, jumlah penempatan yang berada di bawah kerangka politik Kedah Tua sentiasa berubah-ubah, bergantung kepada kedudukannya dalam percaturan politik serantau. Walau bagaimanapun, dalam 1500 tahun sejarahnya, penempatan yang terletak di dalam kawasan Lembah Sungai Merbok-Muda kekal sebagai pusat ekonomi Kedah Tua. Hal ini menyaksikan pertumbuhan dan evolusi perdagangan serta industri yang berterusan dari awal perkembangan sehingga ke zaman

kemerosotannya. Penempatan yang wujud di Lembah Sungai Merbok-Muda, yang turut dikenali sebagai Lembah Bujang, antaranya termasuklah Kampung Sungai Mas, Kampung Pengkalan Bujang, Simpor Tambang dan Kampung Sireh. Hal ini secara meletakkan kawasan Lembah Bujang sebagai pusat ekonomi Kedah Tua dan asas kepada identiti kebudayaan masyarakatnya.

Penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang dipelopori oleh Colonel James Low F. W. Irby, dan I. H. N. Evans pada tahun 1860-an hingga 1930-an. Penyelidikan tersebut membawa kepada penemuan tapak candi, arca dan prasasti. Walau bagaimanapun, kajian mereka dijalankan secara rambang dengan tujuan untuk mendapatkan artifak yang dianggap sebagai barangan antik. Kajian tersebut tidak menjawab sebarang persoalan tentang sejarah atau kebudayaan masyarakat Kedah Tua. Pada tahun 1937, H. G. Quaritch-Wales dan Dorothy Wales buat kali pertamanya menjalankan kajian yang menyeluruh dan sistematik terhadap 31 tapak candi di Kedah dan mencadangkan hipotesis tentang evolusi kebudayaan masyarakatnya.

Kajian di Lembah Bujang diteruskan lagi oleh beberapa pengkaji utama Kedah Tua, seperti Alastair Lamb, Leong Sau Heng, Jane S. Allen, Michel Jacq-Hegoualc'h, Nik Hassan Shuhaimi dan Zuliskandar Ramli. Mereka menjalankan pemantauan, ekskavasi dan analisis artifak di tapak Pengkalan Bujang, Kampung Sungai Mas, Simpor Tambang dan Kampung Sireh. Fokus yang diberikan



Candi Hindu di Kampung Pengkalan Bujang.

oleh para pengkaji tersebut terhadap aspek perdagangan, demografi dan pengaruh Hindu-Buddha di Kedah Tua. Kajian arkeologi di Lembah Bujang selama lebih 150 tahun mendedahkan sejumlah candi, arca dan prasasti Hindu-Buddha, seramik dagang, manik, tembikar tanah dan barang-barang hiasan. Dengan penemuan tersebut, perkembangan Kedah Tua sering kali dianggap sebagai fasa Hindu-Buddha alam prasejarah Malaysia.


Kajian Paleoalam di Lembah Bujang oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (PPAG USM) pada tahun 2008 telah membawa kepada penemuan baharu di sekitar kawasan Sungai Batu, Semeling, Kedah. Ekskavasi pada tahun 2009 mendedahkan kompleks penempatan purba yang terdiri daripada tapak peleburan besi, jeti dan tinggalan bangunan gudang. Kajian PPAG USM membuktikan bahawa kewujudan penempatan Kedah Tua di kawasan Sungai Batu yang berfungsi sebagai pusat industri besi. Kajian lanjutan di sekitar pinggir Sungai Muda telah membawa kepada penemuan lebih banyak tapak peleburan besi di pedalaman Kedah, seperti Jeniang, Bukit Selambau dan Kuala Ketil.

Pentarikhan kronometrik terhadap sampel arang dan bata dari tapak arkeologi Sungai Batu memberikan tarikh dari kurun keenam sebelum Masihi sehingga kurun ke-13 Masihi. Hal ini jelas membuktikan bahawa Kedah Tua bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran komoditi dari luar, tetapi turut menghasilkan komoditi tempatan, iaitu jongkong besi. Di samping itu, aktiviti peleburan besi tidak sahaja bertumpu di kawasan pesisir pantai, tetapi turut melibatkan kawasan jauh ke pedalaman. Penilaian semula terhadap aspek kesenian dan taburan tapak arkeologi lain di Lembah Bujang turut dijalankan oleh PPAG USM.

.....

**Penemuan terbaharu di Sungai Batu, Jeniang, Bukit Selambau dan Kuala Ketil itu memberikan perspektif baharu tentang sejarah Kedah Tua, terutamanya dari segi kepelbagaian aktiviti ekonomi, tahap perkembangan teknologi dan taburan demografi masyarakatnya.**

.....



Pecahan patung kepala Buddha dari Kampung Sungai Mas.

Penemuan terbaharu di Sungai Batu, Jeniang, Bukit Selambau dan Kuala Ketil itu memberikan perspektif baharu tentang sejarah Kedah Tua, terutamanya dari segi kepelbagaian aktiviti ekonomi, tahap perkembangan teknologi dan taburan demografi masyarakatnya. Di samping itu, pentarikhan kronometrik terhadap tapak peleburan besi tersebut telah memberi maklumat penting mengenai peralihan Kedah Tua dari sebuah penempatan pesisir pantai kepada sebuah pelabuhan.

Kemunculan awal Kedah Tua merupakan kesan proses peralihan sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu yang berlaku pada sekitar kurun ke-7 sebelum Masihi. Perkembangan teknologi pelayaran jarak jauh pada ketika ini telah membuka Kepulauan Melayu kepada dunia luar. Hal ini membawa kepada peralihan apabila penempatan prasejarah akhir di kawasan pinggir dan pesisir pantai kepada struktur kerajaan awal.


Disebabkan oleh posisi geografi yang strategik, penempatan pesisir pantai dan lembah sungai Semenanjung Tanah Melayu telah dilawati secara berterusan oleh para pedagang asing dan mula berinteraksi dengan penduduk tempatan. Kewujudan perdagangan jarak jauh tersebut dapat dibuktikan dengan penemuan gendang dan loceng Dongson yang dapat ditarikhhkan pada kurun ke-7 sebelum Masihi di beberapa tapak, seperti Batu Buruk, Kampung Gaung, Kampung Sungai Lang, Klang, dan Hulu Tembeling.

Implikasi kegiatan perdagangan tersebut membawa kepada pertambahan penduduk dan pertukaran kebudayaan, seterusnya mencetuskan proses urbanisasi di kawasan pinggir pantai dan lembah sungai tersebut. Lama kelamaan, kawasan tersebut mula berevolusi membentuk kota pelabuhan dan struktur masyarakat berkerajaan. Bagi kebanyakan penempatan di semenanjung, komoditi utama yang dihasilkan terdiri daripada sumber-sumber hutan. Penemuan tapak peleburan besi di Sungai Batu pada kurun ke-6 sebelum Masihi mencadangkan bahawa kemunculan awal Kedah Tua sebenarnya dipacu oleh kebolehan masyarakatnya untuk memproses bijih besi dan menghasilkan jongkong besi. Keberadaan komoditi ini secara beransur-ansur menarik kedatangan lebih banyak pedagang asing, terutamanya dari India.

Pada sekitar kurun ke-2 sebelum Masihi, Lembah Bujang diiktiraf oleh para pedagang India sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang penting. Hal ini dibuktikan dengan gambaran yang diberikan oleh sumber Pattinappalai dan Sillappadikaram yang menyatakan bahawa komoditi dari Kedah Tua telah



Arca Hariti dari Kampung Sungai Mas.



Cembul gangsa dari relikuari tapak 8.

diperdagangkan di pelabuhan Puhar dan Madurai. Antara komoditi tersebut termasuklah besi dan kayu gaharu. Sezaman dengan Kedah Tua, turut berkembang beberapa kota lain di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Takola, Tunsun, Chih-Tu, Pan-Pan, Chiu-Chih, Fo-Lo-An dan Tan-Tan.

Walau bagaimanapun, kota tersebut memiliki jangka masa perkembangan yang pendek dan hampir tidak meninggalkan sebarang bentuk penemuan arkeologi. Rekod bertulis yang wujud pula kebanyakannya terdiri daripada sumber Cina. Hal ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan Kedah Tua yang memiliki hampir 1500 tahun perkembangan dengan jumlah penemuan arkeologi yang amat banyak. Di samping itu, kepentingan Lembah Bujang sebagai kota dan pelabuhan yang penting disebut secara berulang-ulang kali dalam sumber bertulis India, Arab dan China.

Keistimewaan Kedah Tua berbanding dengan kota pelabuhan lain terletak pada faktor lokasi, bentuk muka bumi dan sumber alamnya. Kedah Tua terletak di pintu masuk Selat Melaka yang berhadapan dengan Pantai Koromandel. Para pedagang dari pantai timur India dapat berlayar terus ke pelabuhan di Kedah Tua dalam satu tiupan angin monsun sahaja. Kedah Tua pada ketika itu merupakan sebuah teluk yang besar yang dikelilingi oleh kepulauan kecil. Pada masa yang sama, Gunung Jerai menjadi daya tarik dan panduan utama kepada kapal yang menghampiri kawasan pesisir pantai Kedah Tua. Hal ini memberikan kelebihan kepada Kedah Tua berdasarkan ciri-ciri geomorfologi yang menjadikannya sebuah pelabuhan semula jadi yang selamat untuk kapal berlabuh.

Sungai Muda dan Sungai Bujang pula membekalkan air tawar dan menghubungkan kawasan pesisir dengan pedalaman yang kaya dengan sumber-sumber hutan, yang pada ketika itu merupakan komoditi yang penting. Laluan Sungai Muda juga dapat menghubungkan Kedah Tua dengan pantai timur semenanjung. Kekuatan ekonomi Kedah Tua juga terletak pada kekayaannya dengan mineral besi dan teknologi peleburan


besi yang dimiliki oleh masyarakatnya. Hal ini kerana kebolehan Kedah Tua untuk menghasilkan komoditinya sendiri dan mengurangkan kebergantungannya kepada dasar perdagangan kerajaan maritim luar. Besi merupakan bahan yang sentiasa diperlukan pada ketika itu. Oleh hal yang demikian, permintaan yang berterusan terhadap produk tersebut mengekalkan kesinambungannya sebagai kota pelabuhan selama 1500 tahun.

Penemuan arkeologi di Lembah Bujang memberikan maklumat yang amat jelas tentang aspek ekonomi masyarakat Kedah Tua. Hal ini membuktikan bahawa Kedah Tua merupakan sebuah pusat perdagangan yang turut berperanan sebagai pusat pengeksporth besi dan manik. Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan seramik dagang, manik dan tapak peleburan besi yang ditemui dalam jumlah yang banyak. Seramik ditemui pula berasal dari India, China, Arab, Parsi, Siam dan Vietnam, yang membuktikan posisinya sebagai pelabuhan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, isu kajian berkaitan dengan penemuan berunsurkan Hindu-Buddha dan hubungannya dengan kebudayaan masyarakat tempatan masih wajar diperdebatkan. Wujud pandangan berbeza tentang sejauh mana agama Hindu-Buddha mempengaruhi kebudayaan masyarakat tempatan. Sehingga kini, wujud dua pandangan utama tentang ciri kebudayaan masyarakat Kedah Tua. Yang pertama, masyarakat Kedah Tua dikatakan dipengaruhi oleh aspek tertentu agama Hindu-Buddha. Tafsiran ini dibuat berdasarkan kepada penemuan candi, arca dan prasasti di sekitar Sungai Muda dan Sungai Bujang, yang ditafsirkan sebagai tinggalan kebudayaan tempatan. Pandangan ini meletakkan perkembangan kebudayaan Kedah Tua selari dengan evolusi masyarakat Hindu-Buddha di Sumatera dan Jawa. Yang keduanya, wujud pandangan bahawa masyarakat Kedah Tua meneruskan kepercayaan animisme, manakala semua candi yang wujud merupakan tinggalan para pedagang.

Dari sudut arkeologi, dapat diperhatikan bahawa candi Lembah Bujang memiliki saiz yang kecil dan mempunyai seni bina yang amat ringkas. Kebanyakan candi yang wujud tersebut dibina dalam sekitar tiga hingga empat bulan sahaja. Penemuan arca pula terdiri daripada serpihan arca yang kecil dan tidak lengkap, sama ada dibawa masuk dari luar ataupun dihasilkan oleh pembuat yang tidak mempunyai kemahiran. Kesemua prasasti di Lembah Bujang mempunyai saiz yang kecil dan mudah diangkut, kecuali Prasasti Cheruk Tokkun. Ciri yang paling jelas ialah kebanyakan prasasti Lembah Bujang memiliki isi kandungan yang cuma terdiri dari mantra pendek agama Buddha.

Sehingga kini, masih belum ditemui sebarang prasasti yang mengandungi maklumat tentang perkembangan di Kedah Tua. Pemetaan semula tapak penemuan monumen, arca, prasasti dan longgokan seramik pada peta geomorfologi



Arca Buddha berdiri dari Kampung Pengkalan Bujang.

Lembah Bujang menunjukkan bahawa penemuan berunsur Hindu-Buddha tersebut wujud dalam kluster yang bertumpu di lokasi berdekatan dengan kawasan perdagangan, seperti di muara sungai dan pesisir pantai sahaja. Pertimbangan tersebut membawa kepada hipotesis bahawa kebanyakan candi tersebut dibina atau dibiayai oleh komuniti pedagang asing yang bermukim di Lembah Bujang yang memiliki dana, waktu dan sumber tenaga manusia yang terhad. Sebahagian besar candi tersebut kemungkinan dikhaskan untuk kegunaan peribadi, atau untuk komuniti para pedagang yang berasal dari kawasan-kawasan tertentu.

Keberadaan komuniti pedagang yang bermastautin di Kedah Tua disokong oleh sumber Arab, yang jelas menyatakan bahawa wujud komuniti pedagang India di Kedah Tua, di samping pedagang Arab, Parsi dan China. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kemungkinan juga wujud segelintir golongan

pemerintah tempatan yang turut menyumbang kepada pembinaan sebahagian dari candi tersebut.

Penilaian semula terhadap data arkeologi dan rekod sejarah menunjukkan bahawa wujud tiga elemen utama dalam penempatan masyarakat awal Kedah Tua. Elemen pertama ialah masyarakat asing yang tinggal di penempatan yang terletak di kawasan pesisir pantai dan muara sungai. Mereka terdiri daripada komuniti pedagang atau pelayar yang tinggal di Kedah Tua untuk berdagang, ataupun menunggu pertukaran angin monsun sebelum meneruskan pelayaran mereka. Candi yang wujud di Lembah Bujang berkemungkinan dibina oleh golongan ini yang menganuti agama Hindu-Buddha

Elemen kedua ialah masyarakat peribumi yang tinggal di kawasan pesisir pantai, muara hingga ke hulu sungai. Mereka terdiri daripada masyarakat Melayu yang menjalankan aktiviti ekonomi, seperti mengumpul hasil hutan dan laut, melebur besi dan berdagang. Mereka turut memiliki hubungan dengan para pedagang. Kemungkinan sebahagian kecil daripada mereka yang tinggal berdekatan dengan kawasan pesisir turut dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha.

Elemen ketiga terdiri daripada masyarakat pedalaman yang hidup secara nomadik atau separa nomadik, yang dapat dibandingkan dengan masyarakat orang asli sekarang. Organisasi sosial penempatan tersebut dari segi ruang dan masa adalah berdasarkan kepada faktor kesesuaian lingkungan alam, lokasi dan faktor ekonomi. Dapat diperhatikan bahawa taburan demografi masyarakat di Kedah Tua ditentukan oleh faktor lokasi transaksi perdagangan dan keberadaan sumber alam.

Masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan yang berbeza-beza turut memiliki bentuk dan tahap penerimaan yang berlainan terhadap unsur kebudayaan yang diamalkan para pedagang. Di kawasan pesisir pantai dan muara sungai kuno, seperti Kampung Pengkalan Bujang dan Kampung Sungai Mas, candi ditemui dalam jumlah relatif yang banyak. Penemuan tersebut mencerminkan keberadaan populasi yang besar bagi pedagang India dan Asia Tenggara yang beragama Hindu-Buddha, selain penduduk tempatan.

Penempatan pedagang tertumpu di kawasan muara sungai untuk memudahkan kegiatan perdagangan dan kerja pemunggaan komoditi dari kapal. Penduduk tempatan yang tinggal berdekatan dengan penempatan para pedagang memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan infrastruktur, bahan binaan, tenaga kerja, sumber makanan dan keperluan domestik para pedagang. Pada masa yang sama, perlu wujud pembesar tempatan yang menyelia penempatan tersebut.

Di samping komuniti pedagang, sebahagian kecil penduduk tempatan yang tinggal di kawasan Kampung Sungai Mas dan Pengkalan Bujang dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha. Kebanyakan mereka kemungkinan terdiri daripada golongan pedagang ataupun pemerintah yang memiliki hubungan rapat dan berterusan dengan para pedagang asing, sehinggakan elemen tertentu dalam agama Hindu-Buddha mempengaruhi kepercayaan dan kebudayaan mereka. Di Sungai Batu pula, walaupun kompleks tersebut merupakan kawasan yang luas dan memiliki populasi yang besar, hanya satu tapak agama Buddha ditemui. Hal ini menunjukkan bahawa cuma sebahagian kecil sahaja penduduknya menganuti agama Buddha.

Bagi tapak-tapak seperti Kuala Ketil, Bukit Selambau dan Jeniang pula, tiada penemuan arkeologi berunsurkan Hindu-Buddha ditemui, yang menunjukkan bahawa masyarakatnya kekal dengan kepercayaan animisme. Oleh hal yang demikian, demografi masyarakat Kedah Tua di Lembah Bujang perlu dilihat sebagai gabungan penempatan berbeza yang memiliki ciri interaksi kebudayaan dengan pedagang asing yang tersendiri. Dinamik kebudayaan setiap penempatan tersebut amat bergantung kepada faktor persekitaran alam, ekonomi, populasi dan bentuk hubungan dengan dunia luar.

Kajian arkeologi bertujuan untuk menggambarkan kebudayaan masyarakat lampau. Walau bagaimanapun, gambaran tentang kebudayaan Kedah Tua masih belum lengkap kerana wujud kelompangan dalam rekod sejarah dan data arkeologi Lembah Bujang. Berbeza dengan kerajaan pra-Islam Kepulauan Melayu yang lain, seperti Srivijaya, Majapahit dan Mataram Kuno, hampir tiada penemuan prasasti tempatan yang dapat memberikan gambaran mengenai aspek sosiobudaya dan struktur politik di Kedah Tua. Hal ini menyebabkan wujud pelbagai sudut pandang dan tafsiran dalam kalangan pengkaji Kedah Tua, yang membuka ruang kepada beberapa aliran teori berbeza dan lembaran naratif mengenai aspek kajian tersebut.

Sehingga penemuan arkeologi dan epigrafi yang lebih kukuh ditemui, kajian mengenai Kedah Tua akan tetap terbuka kepada pelbagai bentuk interpretasi. Demi mengukuhkan tafsiran terhadap data-data arkeologi tersebut, pendekatan paleoalam dan pertimbangan terhadap dinamik populasi dan demografi Kedah Tua perlu digunakan. Tafsiran terkini menunjukkan bahawa Kedah Tua merupakan sekumpulan penempatan dengan evolusi kebudayaan yang lebih dinamik dan kompleks disebabkan oleh kedudukannya sebagai pusat perdagangan, dan taburan demografinya. Sepertimana yang berlaku di Kesultanan Melayu Melaka, Lembah Bujang merupakan "kota metropolitan" yang didiami oleh masyarakat pelbagai kaum, ditadbir dan dikawal oleh struktur kerajaan masyarakat Kedah Tua.